



JPJ ke arah era pendigitalan penuh - Loke

Oleh Mohd Amin Jalil - Mei 14, 2023 @ 3:53pm

bhnews@bh.com.myam@hmetro.com.my

SEREMBAN: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bakal menempuh era baharu apabila lebih banyak inisiatif pendigitalan akan dilaksanakan termasuk dalam aspek penguatkuasaan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata setakat ini pelaksanaan pendigitalan yang sedang dilaksanakan adalah terkandung dalam Pelan Strategik Pendigitalan JPJ 2021-2025.

Katanya, pelan berkenaan merangkumi infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sistem tadbir urus dan kompetensi bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat berjalan lancar dan berkesan.

"Pelan yang sedia ada ini membabitkan tempoh lima tahun dan sekarang baru 2023,

jadi dalam pemanfaatan digitalisasi ini, JPJ telah memperkenalkan beberapa inisiatif antaranya pendigitalan Lesen Kenderaan Motor (eLKM) dan Lesen Memandu Malaysia (eLMM) menggunakan aplikasi MyJPJ.

"Konsep pendigitalan itu turut juga diaplikasikan ke dalam strategi penguatkuasaan yang lebih holistik semasa Ops Hari Raya Aidilfitri 2023.

"Ia termasuk penggunaan dron dan Enforcement Action Camera (EAC), Smart Enforcement Device (SmED), yang memfokuskan kepada Operasi Tanpa Sentuh JPJ

(Camera Go-Pro) serta teknologi sistem High Speed Weigh-in-Motion (Hi-WiM) juga terus dipergiatkan.

"Oleh itu, JPJ akan menuju ke arah penguatkuasaan yang lebih digital, malah berhasrat untuk melaksanakan pendigitalan penuh bagi Kurikulum Pendidikan Pemandu

(KPP), tapi akan mengambil masa kerana ada banyak sistem yang perlu diintegrasikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari JPJ Ke-77 di Dataran Centrio Seremban 2, di sini, hari ini.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena sambutan berkenaan yang bermula Jumaat lalu hingga hari ini bertemakan 'Digitalisasi Kebitaraan JPJ'.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, Datuk Zulkefly Mohamad Omar; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia,

Datuk Jana Santhiran Muniayan; Pengurus Jawatankuasa Bertindak Perpaduan, Penerangan dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan, Choo Ken Hwa dan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Zailani Hashim.

Dalam pada itu, sempena sambutan ulangtahun berkenaan, Loke berkata JPJ menawarkan empat inisiatif iaitu e-Book KPP secara digital dan JPJeID.

Beliau berkata, JPJeID merupakan akaun yang mengandungi ID pengguna dan kata laluan yang dimiliki secara sah oleh orang awam bagi tujuan mengakses perkhidmatan digital portal awam JPJ mySIKAP dan aplikasi mudah alih MyJPJ.

"JPJeID memudahkan orang awam melaksanakan urusan secara kendiri dan mengurangkan kesesakan di kaunter JPJ tanpa mengabaikan aspek keselamatan data pengguna.

"JPJ Mobile pula merupakan antara inisiatif pendigitalan dan outreach JPJ dalam menambahbaik saluran alternatif perkhidmatan JPJ yang membolehkan rakyat terus mendapatkan urusniaga tanpa perlu bersesak di kaunter," katanya.

Katanya, JPJ juga akan mengeluarkan Nombor Pendaftaran Kenderaan Siri FF sebagai tanda signifikan sambutan Hari JPJ Ke-77, yang akan dibuka bidaan selama lima hari secara dalam talian di Sistem JPJeBid bermula hari ini dan berakhir 18 Mei 2023 jam 10 malam.

"Saya yakin inisiatif baru ini akan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat serta membolehkan JPJ berada pada tahap terbaik sebagai penyedia perkhidmatan awam dan penguat kuasa yang mesra, cekap dan telus," katanya.